

28 NOV 1999

NASIB BEKAS TENTERA AKAN DIBELA, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 28 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk membela nasib bekas anggota tentera.

Perdana Menteri berkata ini termasuk memberi kursus yang bersesuaian sebelum mereka bersara.

"Anggota tentera adalah golongan yang sanggup berkorban apa sahaja termasuk nyawa untuk membela negara," katanya dalam majlis pertemuan dengan anggota Persatuan Bekas Perajurit kawasan utara di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan memang mengenang jasa yang ditaburkan oleh bekas anggota tentera.

Beliau berkata tanpa pasukan keselamatan, negara tidak akan aman dan pembangunan tidak dapat dilakukan.

Oleh itu, katanya, jasa dan pengorbanan anggota tentera amat penting kepada bangsa, agama dan negara.

-- BERNAMA

HT MFJ MAI